



JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
(KEMENTERIAN DALAM NEGERI)
NO. 15, TINGKAT 1-7 (PODIUM)
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,
62550 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN



Telefon : 603-8000-8000
(1MOCC)
Faks : 603-8880 1200
Portal Rasmi : www.imi.gov.my

"KESELAMATAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

IM.101(S)/HQ-G/862/1/1 (1/1)

7 Zulhijjah 1436H
15 September 2015

Semua Pengarah Bahagian di Ibu Pejabat
Semua Pengarah Imigresen Negeri
Semua Ketua Imigresen / Pos Imigresen
Semua Perwakilan Malaysia di Luar Negara
Semua Atase Imigresen di Seberang Laut

Y.Bhg. Tan Sri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

PEKELILING IMIGRESEN MALAYSIA BIL. 7 TAHUN 2015

**PENGECUALIAN 30 HARI TANPA VISA KEPADA
PELANCONG TAIWAN**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan untuk memberi Pengecualian 30 Hari Tanpa Visa Kepada Pelancong Taiwan.

En. Ruzaidi / En. Rasmi
Rahmatan dan tuisukan



IMMIGRATION KLIA
WORLD'S BEST
IMMIGRATION SERVICE
2010, 2011, 2013



**ANUGERAH AGENSI SEKTOR
AWAM TERBAIK MAM 2013**

23/9/15
AZHAR ABD HAMID
Immigration Attaché
IMMIGRATION DEPT
LONDON

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan Malaysia sebelum ini telah membuat keputusan untuk memberi kelonggaran kepada pelancong dari Taiwan untuk masuk ke Malaysia Tanpa Visa selama 15 Hari. Ini adalah bertujuan untuk menerima lebih ramai lagi warganegara Taiwan masuk ke Malaysia untuk tujuan pelancongan dan pelaburan.
- 2.2 Walau bagaimanapun, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Ogos 2015 telah menimbang dan bersetuju untuk memberikan pengecualian visa dengan tempoh keberadaan di Malaysia dilanjutkan daripada 15 hari kepada 30 hari untuk para pelancong dari Taiwan.
- 2.3 Pelanjutan tempoh ini adalah sebagai timbal balas terhadap dasar semasa Kerajaan Taiwan yang membenarkan para pelancong Malaysia memasuki Taiwan bagi tempoh 30 hari tanpa visa.

3. ARAHAN TERBARU

- 3.1 Kementerian Dalam Negeri telah mengeluarkan arahan melalui surat ruj. KDN(S):IM 03/208/4 Jld. 2 bertarikh 26 Ogos 2015 untuk memberi Pengecualian **30 Hari Tanpa Visa dan diendorse di dalam Passport Taiwan**. Lanjutan adalah **TIDAK** dibenarkan.
- 3.2 Kemudahan ini diberi di **semua pintu-pintu masuk Imigresen** di seluruh negara untuk tempoh **30 hari tanpa visa** kepada pelancong Taiwan
- 3.3 Kemudahan ini tidak termasuk kepada pemegang **Pasport Diplomatik dan Rasmi Taiwan**.
- 3.4 Semua pegawai di pintu-pintu masuk utama hendaklah memastikan kemasukan pelancong Taiwan ini memenuhi syarat-syarat kemasukan yang telah ditetapkan seperti berikut:
 - 3.4.1 Memiliki tiket penerbangan balik ke negara asal atau ke negara ketiga (***Confirmed return ticket***);
 - 3.4.2 Mempunyai wang tunjuk sebanyak USD100 sehari untuk sara diri; dan

3.4.3 Mematuhi syarat-syarat kemasukan lain yang sedang berkuatkuasa.

4. **TARIKH KUATKUASA**


Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh ia dikeluarkan dan dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Imigresen Bil. 7 Tahun 2011, Pekeliling Imigresen Bil. 11 Tahun 2011 dan Pekeliling Imigresen Bil. 5 Tahun 2015 adalah dibatalkan.

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MUDAH, CEPAT DAN BERINTEGRITI”

Saya yang menurut perintah,


(**DATO' SAKIB BIN KUSMI**)

Timbalan Ketua Pengarah Imigresen (Kawalan)

b.p Ketua Pengarah Imigresen

MALAYSIA

Edaran Dalaman:

- Y.Bhg. Dato' Ketua Pengarah Imigresen
- Y.Brs. Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
- Pasukan Petugas MS ISO 9001:2008
- Ketua Bilik Gerakan, Jabatan Imigresen Malaysia

- **Salinan Kepada:**

**Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Aras 13, Blok D1, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA**

**Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri
Bahagian Konsular
No. 1, Wisma Putra, Presint 2
62602 PUTRAJAYA.**

**Ketua Polis Negara
Ibu Pejabat Polis Di Raja Malaysia
Bukit Aman
50560 KUALA LUMPUR**

**Setiausaha Bahagian
Kementerian Dalam Negeri
Bahagian Hal Ehwal Imigresen
Aras 5, Blok D2, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA**